

● DUA orang wanita — dari Timur dan Barat — sedang menunjukkan kehandalan masing-masing.

## Utk bantu 'perguruan2' di Eropah

# Bahan2 rujukan akan ditambah

PENCAK SILAT

10 JAN 1985 2

PERSATUAN Silat Antarabangsa (Persilat) akan berusaha untuk menambah bahan-bahan dokumentasi seni silat yang dapat digunakan oleh anggota-anggota bersekutunya di Eropah.

Butir-butir mengenai cara untuk menghasilkan bahan-bahan yang perlu diterjemahkan itu akan dibincangkan dalam persidangan Persilat, yang dijangka diadakan di Kuala Lumpur pada 5, 6 dan 7 April ini.

### Teliti

Presiden III Persilat, Encik Johari H.M. Urif, berkata bahawa hasrat anggota-anggota bersekutu Persilat itu telah ditimbulkan dalam satu pertemuan, sempena pertandingan silat antarbangsa di Jakarta pada bulan lalu.

"Walaupun anggota-anggota bersekutu Persilat merasa senang dengan seni silat, mereka mendapati bahan-bahan mengenai seni itu terlalu sedikit," kata Encik Johari lagi.

Persidangan di Kuala Lumpur itu akan juga memilih anggota jawatankuasa baru dan meneliti pentadbirannya, supaya kegiatan-kegiatan silat dapat dipergiatkan di negara masing-masing, beliau menambah.